

年中考试



UPSA 2025

学校试卷（六年级）

SET 1

- 国文/华文/英文/数学/科学/历史
- 总共 6 份各校试卷
- 备有完整答案



FB PAGE: 优学教育分享

WEBSITE : www.youxue.com.my

CONTACT NUMBER: 013-482 0523

**Ujian Pertengahan Sesi Akademik 2025
Bahasa Melayu Tahun 6 [Johor]**

Nama : _____ () Keputusan : _____ %
Kelas : 6 () T/tangan Ibu : _____
Bapa : _____

**Bahagian A
[10 markah]**

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Ayah Liza sudah lima tahun bekerja di _____.
A. kilang
B. rumah
C. dewan
D. pejabat
2. Kami suka mandi di sungai itu kerana airnya bersih dan _____.
A. jelas
B. putih
C. jernih
D. terang

Soalan 3

3. Pilih ayat yang **betul**.
- A. Poster itu ialah tentang keselamatan di makmal sains.
 - B. Tolong jangan berlari ketika menaiki dan menuruni tangga.
 - C. Ahmad menggunakan jejantas untuk melintas jalan raya yang sibuk.
 - D. Encik Halim memakai pakaian yang berwarna terang semasa menunggang motosikal di waktu malam.

Soalan 4 hingga soalan 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Hong ialah ayah Chun Wei. Beliau berusia 44 tahun. Beliau dilahirkan di Kluang, Johor pada tahun 1980. Beliau dibesarkan di Seremban, Negeri Sembilan sehinggalah usianya 18 tahun. Setelah berkahwin, beliau menetap di Petaling Jaya, Selangor,

Ayah Chun Wei bekerja di sebuah syarikat telekomunikasi di Kuala Lumpur. Beliau amat mahir dan berkebolehan dalam menjalankan tugasnya. Walaupun beliau sibuk di pejabat, beliau tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya di rumah. Beliau amat penyanyang dan mesra terhadap anak-anaknya. Chun Wei dan ayahnya selalu bermain bersama-sama. Ayah Chun Wei juga sering membantu ibu Chun Wei melakukan kerja rumah seperti mengemas rumah dan memasak.

4. Di manakah Encik Hong dibesarkan?
- A. Kluang, Johor
 - B. Kuala Lumpur
 - C. Petaling Jaya, Selangor
 - D. Seremban, Negeri Sembilan

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A. Semua kerja rumah hanya dilakukan oleh ibu Chun Wei.
 - B. Ayah Chun Wei dilahirkan di Seremban, Negeri Sembilan.
 - C. Ayah Chun Wei sangat bertanggungjawab terhadap keluarganya.
 - D. Ayah Chun Wei tidak suka meluangkan masa bersama-sama dengan keluarganya.
6. Yang berikut ialah sikap Encik Hong terhadap anak-anaknya berdasarkan petikan **kecuali**
- A. mahir.
 - B. mesra.
 - C. penyayang.
 - D. bertanggungjawab.

Soalan 7 hingga 10


Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Julia amat mementingkan kesihatan dirinya. Sejak kecil lagi, dia dididik oleh ibu bapanya supaya mengamalkan gaya hidup yang sihat. Pada setiap hujung minggu, dia sering mengikuti ibu bapanya berjoging di taman rekreasi. Dia juga tidak gemar makan makanan yang terlalu manis seperti gula-gula dan aiskrim.

Selain itu, Julia sentiasa menjaga kebersihan diri, pakaian dan kawasan persekitarannya. Dia sentiasa memastikan kawasan rumahnya bersih dan kemas. Ibu Julia senang hati melihat sikap Julia yang ringan tulang. Julia akan menjemur pakaian yang dicuci oleh ibunya tanpa disuruh. Dia juga akan membantu ibunya menyapu sampah, mengemop lantai dan mencuci tandas.

BAHAN 2



7. Di manakah Julia selalu berjoging?
- A. Di taman bunga
 - B. Di taman rekreasi
 - C. Di taman permainan
 - D. Di taman perumahan

Dia juga tidak gemar makan makanan yang terlalu manis seperti gula-gula dan aiskrim.

8. Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A. biji.
 - B. buah.
 - C. bentuk.
 - D. batang.
9. Perkataan *gaya* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A. rupa.
 - B. cara.
 - C. sikap.
 - D. suasana.
10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A. Julia gemar makan gula-gula dan aiskrim.
 - B. Aktiviti fizikal tidak baik untuk kesihatan badan kita.
 - C. Julia menjemur pakaian kerana dipaksa oleh ibunya.
 - D. Julia sangat rajin membantu ibunya melakukan kerja rumah.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Salim sungguh gembira. Anak sulungnya telah berjaya menamatkan pengajian di universiti. Encik Salim membawa seisi keluarganya menjamu selera di sebuah restoran makanan laut terkemuka di Kuantan kerana mahu meraikan kejayaan anak sulungnya itu.

"Pilihlah hidangan yang kamu suka," kata Encik Salim kepada anak-anaknya.

"Terima kasih, ayah," kata anak-anak Encik Salim dengan gembiranya.

- a. Anak sulung Encik Salim berjaya menamatkan pengajiannya di _____.

[1 markah]

- b. Mengapakah Encik Salim membawa seisi keluarganya menjamu selera di sebuah restoran makanan laut terkemuka di Kuantan?
- _____
- _____

[2 markah]

- c. Gariskan **kata ganti nama** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Beliau membawa seisi keluarganya menjamu selera di sebuah restoran makanan laut terkemuka di Kuantan.

[1 markah]

- d. Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

"Pilihlah hidangan yang kamu suka," kata Encik Salim kepada anak-anaknya.

Encik Salim meminta anak-anaknya memilih hidangan yang disukai oleh mereka.	
Encik Salim menyuruh anak-anaknya memilih hidangan yang disukai olehnya.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.


Vanesri anak yang berakhlak mulia. Dia diasuh oleh ibu bapanya dengan penuh kasih sayang.

Sebagai seorang anak yang baik, apakah yang akan kamu lakukan untuk mengembirakan ibu bapa kamu?

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan cara-cara menjaga keselamatan di rumah.
Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga keselamatan di rumah**.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.




This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.
Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

AKTIVITI BERSAMA KELUARGA



1. Tuliskan cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2. Tuliskan surat kiriman tidak rasmi berdasarkan gambar di atas.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.